

Headline	Kunjungi kaunter JPJ		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	13	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR RAIDAH AWANG	AdValue	RM 1,932
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,796



# Kunjungi kaunter JPJ

**NOR RAIDAH AWANG**

**SHAH ALAM - Karnival Karangkraf 2014** anjuran Kumpulan Media Karangkraf yang bermula hari ini menarik pelbagai kelainan.

Eksekutif Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Nurhidayati Mohd Nasir berkata, Van Kaunter bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), satu daripada gerai pameran agensi yang menjadi tumpuan pengunjung untuk mendapat perkhidmatan ditawarkan.

"Pengunjung berpeluang memperbaharui lesen, cuci jalan tamat tempoh tanpa perlu ke JPJ kerana di Karnival Karangkraf kami menyediakan perkhidmatan tersebut, dibuka pada 7 hingga 8 Februari ini."

"Antara kemudahan lain disediakan adalah, bayaran saman, semakan senarai hitam JPJ dan pelbagai lagi,"

katanya.

Beliau berkata, ia turut menyediakan perkhidmatan pendaftaran ahli baru MySikap dan Skuad Muda JPJ.

"Pengunjung perlu memanfaatkan perkhidmatan ini, jadi jangan lepaskan peluang," katanya.

Selain itu, kaunter penilaian buku Tabung Haji dan juga pendaftaran haji turut disediakan.

Menurutnya, pengunjung juga berpeluang mengetahui biasiswa ditawarkan Karangkraf.

Biasiswa Karangkraf menyediakan 100 peratus yuran pengajian untuk pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Selangor (Unisel), Universiti Tenaga Nasional dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Headline	Kunjungi kaunter JPJ		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	13	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR RAIDAH AWANG	AdValue	RM 1,932
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,796



Van Kaunter bergerak JPJ yang akan digunakan dalam kañival kali ini.